

**ANALISIS SOALAN DALAM BAHAN KURIKULUM
BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5**

NOOR ROHANA BINTI MANSOR

UNIVERSITI MALAYA

2004

015699

Perustakaan

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100069425

tesis

PL 5103 .N6 2004



1100069425

Analisis soalan dalam bahan kurikulum Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 / Noor Rohana Mansor.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100069425

Lihat sebelah



**ANALISIS SOALAN DALAM BAHAN KURIKULUM
BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5**

NOOR ROHANA BINTI MANSOR

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Universiti Malaya
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Doktor Falsafah Pendidikan**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
November 2004**

1100069425

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah kurnia-NYA, tesis ini dapat disempurnakan sepenuhnya dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Menerusi kesempatan ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi utusan penghargaan dan ucapan terima kasih terutamanya kepada penyelia saya Profesor Madya Dr Saedah Siraj yang telah banyak memberikan kekuatan kepada saya, dorongan, bimbingan serta tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh komited serta kesabaran sehingga sempurnanya tesis ini. Ucapan ini juga saya tujukan kepada semua tenaga akademik Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang telah memberi bimbingan serta ruang bagi saya untuk peningkatan ilmu khususnya bagi penghasilan tesis ini. Tidak lupa kepada staf sokongan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang telah memberi kebenaran untuk menjalankan kajian. Ucapan terima kasih juga kepada pihak sekolah iaitu Pengetua di sekolah-sekolah yang terlibat untuk kajian di atas keizinan dan kerjasama mereka bagi menjalankan kajian, Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Ketua Panitia Bahasa Melayu seterusnya guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengutipan data untuk kajian ini.

Penghargaan ini juga saya sampaikan kepada pihak penaja pengajian, di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Terima kasih atas pembiayaan yang memungkinkan saya meneruskan pengajian dengan lancar dan jayanya. Juga kepada rakan-rakan sejawatan dan seperjuangan, terima kasih atas sokongan, bimbingan dan kerjasama dalam apa jua bentuk, yang diberikan khususnya untuk menyempurnakan kajian ini.

Akhirnya, kepada keluarga, setulus kasih dan penghargaan yang tiada batas atas pengorbanan serta kesabaran semua, menyokong sepenuhnya perjuangan menuntut ilmu ini. Hanya Allah s.w.t. akan memberi ganjaran berkat doa dan pengorbanan kalian. Kejayaan ini untuk diri dan keluarga serta amanah buat agama, bangsa dan negara.

Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada perkembangan pendidikan negara khususnya kepada proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu.

Terima kasih semua.

Wassalam.

Noor Rohana Binti Mansor
PHA 99013

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis dan menilai penggunaan kepelbagaian aras kognitif soalan kefahaman dalam tiga bahan kurikulum iaitu buku teks, buku latihan pemahaman dan soalan-soalan peperiksaan Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5 berdasarkan taksonomi soalan kefahaman. Matlamatnya adalah untuk melihat sejauh manakah binaan soalan dalam latihan pemahaman memberi pendedahan kepada penggunaan kepelbagaian aras kognitif soalan sebagai usaha untuk merangsang dan membentuk keupayaan berfikir pelajar pada kepelbagaian tahap pemikiran.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Instrumen kajian ‘Kod Analisis Aras Kognitif Soalan’ iaitu kod semakan soalan telah dibina berdasarkan Taksonomi Bloom (1956) dengan tiga model soalan terdahulu daripada Sanders (1966), Barrett (1972) dan Santoz (1976) dengan pengubahsuaihan dan peningkatan input selaras dengan kandungan sukatan pelajaran pendidikan Bahasa Melayu menengah atas (2000). Sampel kajian meliputi dokumen bahan kurikulum yang terdiri daripada buku teks, buku latihan pemahaman dan soalan peperiksaan Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5 untuk jangka masa lima tahun dari tahun 1997 hingga 2001. Pungutan data dan penganalisisan yang telah dilaksanakan meliputi sebanyak 334 latihan pemahaman dengan sejumlah 1,323 soalan kefahaman. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif yang menggunakan kekerapan dan peratus untuk menjelaskan aspek penggunaan dan perbandingan kategori.

Hasil kajian menunjukkan binaan soalan-soalan kefahaman bagi keseluruhan petikan teks pemahaman dalam ketiga-tiga bahan kurikulum Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5 telah menggunakan soalan yang pelbagai aras kognitif terutamanya bagi kategori

utama dan subkategori soalan manakala bagi sub-subkategori soalan memperlihatkan usaha ke arah mempelbagaikan penggunaan skop dan frasa penyoalan. Namun, perincian analisis kepada jenis petikan teks secara khusus yang meliputi petikan teks umum, moden, klasik dan puisi, menunjukkan penggunaan soalan yang pelbagai aras kognitif untuk setiap latihan pemahaman yang diberi masih terhad. Fenomena yang wujud adalah ketidakseimbangan penggunaan kategori soalan dengan peratus penggunaan yang berbeza-beza sama ada secara intrakategori mahupun interkategori bagi setiap jenis petikan teks pemahaman. Tiga ciri berikut telah dikenal pasti menjadi asas dalam binaan soalan-soalan kefahaman iaitu bias penggunaan kategori dengan tumpuan kepada sesuatu kategori soalan sama ada bagi kategori utama, subkategori mahupun sub-subkategori soalan; stereotaip soalan; dan aliran penggunaan kategori soalan mengikut latar setiap jenis petikan teks pemahaman.

Implikasinya, kalangan pihak penggubal dan pelaksana input dalam bahan kurikulum baik di peringkat Kementerian Pendidikan mahupun di kalangan pendidik perlu memberi perhatian serius dalam aspek binaan soalan yang pelbagai aras kognitif kerana penggunaannya memberi kesan ke atas pemikiran pelajar dan ke atas kualiti input bahan kurikulum. Justeru disarankan pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penggubalan, pembinaan serta pelaksanaan input soalan dan penyoalan dalam proses dan implementasi kurikulum memberi perhataian kepada peningkatan kualiti aspek penggunaan kepelbagaian aras kognitif dalam binaan soalan-soalan kefahaman khususnya dalam pendidikan bahasa.

**Title: An Analysis of Questions in the Form Four and Form Five
Malay Language Curriculum Resources**

ABSTRACT

This research examines comprehension questions of various cognitive levels used in three types of curriculum materials namely the text book, comprehension exercise books and the Form Four and Five Malay Language examination questions based on the comprehension questions taxonomy. The study investigates the extent of cognitive levels used in constructing comprehension exercises to stimulate and form the students' levels of thinking ability.

The research methodology comprises the content analysis method using the Cognitive Level of Question Code Analysis instrument which has been developed based on Bloom's Taxonomy (1956) and three other questioning models from Sanders (1966), Barrett (1972) and Santoz (1976) which has been modified to suit the latest secondary Malay Language syllabus (2000). Curriculum materials namely the textbooks, comprehension exercise books and Form Four and Five Malay Language examination questions for the duration of five years from 1997 to 2001 were the samples used in this research. Data were collected from 334 comprehension exercises which contained a total of 1323 comprehension questions. The data were analysed by using descriptive statistics, that is frequency counts and percentages, to explain usage and category comparison.

Findings showed that the comprehension questions used in the passage chosen from all the Malay Language curriculum resources exhibit the various cognitive levels especially in the main category and subcategory. However the sub-subcategory of the questions illustrates the use of a variety of questioning aspects and questioning phrases. A

more detailed analysis on types of passages, which include common, modern, classical, and poetic forms, show that the cognitive levels of the questions used is still restricted. The results show that there was an imbalance of usage in the question category. Three characteristics were found to be the basis of comprehension question construction. They are namely, a category usage bias with an emphasis on main category or subcategory; questioning stereotype; a trend of questioning which reflects the appropriate background of the type of comprehension passages.

Consequently, curriculum designers and curriculum implementors at the Ministry of Education and all educators should emphasize the construction of various cognitive level of questions in the process of teaching and learning. This is because of the effect on students' thinking and curriculum resources input quality. Therefore, it is recommended that all those who are involved in the construction, designing and implementation of the question and questioning input in curriculum resources, should upgrade the quality of comprehension questions in language education.